

31 MAR 2001

Fauzi-Akur

DATUK FAUZI GEMBIRA DENGAN KEPUTUSAN MT

KUANTAN, 31 Mac (Bernama) -- Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Beserah Datuk Fauzi Abdul Rahman mengalu-alukan keputusan Majlis Tertinggi (MT) Umno untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa sementara khas bagi menyiasat dakwaan beliau mengenai politik wang dan penyelewengan kerajaan negeri.

"Saya gembira dan berterima kasih kepada presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," kata beliau.

"Tindakan yang saya buat itu ialah untuk membuka mata pemimpin-pemimpin Umno terhadap penyelewengan, sogokan dan rasuah. Ia kini berjaya membuka mata pemimpin-pemimpin Umno," katanya ketika dihubungi melalui telefon di sini.

Fauzi, yang juga Ketua Umno Bahagian Kuantan, telah membuat keputusan untuk meletakkan jawatannya sebagai Adun Beserah dan juga membuat laporan polis terhadap bekas Menteri Besar Pahang, Tan Sri Khalil Yaakub.

Selepas mempengerusikan mesyuarat MT Umno di Kuala Lumpur hari ini, Dr Mahathir berkata sebuah jawatankuasa sementara khas akan segera ditubuhkan bagi menyiasat dakwaan Fauzi.

Dr Mahathir juga berkata penyiasatan itu termasuk mengenai amalan politik wang, penyelewengan dalam kerajaan dan sebuah syarikat seperti yang didakwa oleh Fauzi.

MT Umno juga membuat keputusan untuk menangguk mesyuarat perwakilan Umno bahagian Kuantan sehingga siasatan itu diselesaikan.

Mengenai penangguhan mesyuarat perwakilan, Fauzi berkata beliau akur dengan keputusan tersebut.

-- BERNAMA

ROS DC ZB